

05/05/2003

Pemuda syor kelas agama semua kaum

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan disaran memperkenalkan kelas agama untuk semua kaum dalam sistem pendidikan negara bagi menangani masalah sosial dan keruntuhan moral di kalangan pelajar.

Saranan itu dikemukakan Pemuda MIC dalam resolusi yang diluluskan di perhimpunan agungnya, semalam.

Pergerakan itu berpendapat pendekatan baru itu perlu kerana pendidikan moral gagal membendung gejala sosial. Pada perhimpunan itu, Pemuda MIC juga meluluskan sembilan resolusi lain, antaranya:

- \* Meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengarahkan pihak berkuasa tempatan membentuk jawatankuasa khas dianggotai pegawai beragama Hindu untuk mengendalikan pemindahan kuil Hindu.

- \* Menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu.

- \* Menyokong pengekalan sekolah aliran bahasa Tamil serta mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memperuntukkan RM19.3 juta bagi meningkatkan taraf sekolah berkenaan.

- \* Menggesa polis mempercepatkan siasatan dan meningkatkan keselamatan di lokap polis berikutan kematian lebih 20 orang yang disyaki ketika dalam tahanan pihak berkuasa sejak kebelakangan ini.

- \* Meminta peruntukan tambahan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

- \* Mencadangkan Kementerian Pembangunan Usahawan menyediakan lebih banyak skim pinjaman serta melonggarkan syarat kepada usahawan muda, khususnya keturunan India bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa peminjam wang haram.

- \* Meminta kerajaan menambah pengagihan buku teks kepada pelajar sekolah Tamil dan mengambil lebih ramai kakitangan berketurunan India dalam sektor awam.

Sementara itu, Wanita MIC dalam mesyuarat perwakilannya meluluskan sembilan usul, termasuk menyokong kepimpinan Dr Mahathir dan Samy Vellu. Resolusi lain ialah:

- \* Meminta lebih ramai wanita dilantik sebagai Ahli Majlis Daerah dan menyarankan wanita yang banyak berkorban untuk bangsa dan negara diberi pengiktirafan sewajarnya pada peringkat negeri dan kebangsaan.

- \* Menggesa kerajaan menyediakan peruntukan lebih banyak rumah kos rendah untuk ibu tunggal.

- \* Mencadangkan peningkatan pengambilan pelajar berketurunan India di sekolah berasrama penuh dan semua sekolah Tamil diberi bantuan penuh kerajaan.

\* Mengesyorkan kelonggaran syarat bagi pinjaman perniagaan kecil.